

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
PERASMIAN KONVENSYEN UMNO
NEGERI PAHANG, DI DEWAN MAKTAB
RENDAH SAINS MARA, KUANTAN,
PADA HARI ISNIN 26HB. MEI, 1980
JAM 9.00 PAGI.

Assalamu mullaikum - - -

Bismillah - - -

menteri Besar, merangkap

1. Yang Amat Berhormat, ~~Tuan Haji Abdul Rahim Bakar,~~
~~Menteri Besar Pahang,~~ *Pengerusi Jawatankuasa
Kerja Konvensyen.*

~~Yang Berhormat, Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri,~~

~~Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Kerja Kerajaan Negeri,~~

2. Ahli-ahli Yang Berhormat,

3. Ketua-ketua Parti Komponen Barisan Nasional
Negeri Pahang,

~~Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-ketua Kaum,~~
4. *Para Peseta.*

5. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Alhamdulillah, syukur saya kehadiran ALLAH

Subhanahu Wataala kerana, dengan limpah rahmat

serta izinNYA, dapat saya bersama-sama hadir

2.

di Konvensyen UMNO ~~yang pertama~~ bagi Negeri Pahang pada hari ini. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur, Konvensyen ini kerana menjemput saya ke upacara yang penting ini, dan memberi penghormatan kepada saya untuk membuat ucapan perasmian di Konvensyen ini.

2. Sebagaimana kita sedia maklum, Konvensyen yang diadakan ini merupakan satu orientasi baru dalam sistem pentadbiran dan perjuangan UMNO. ~~Perlembagaan UMNO, iaitu peruntukan fasal 13~~ ~~ceraian 9, yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung~~ ~~Khas tahun lalu, mewajibkan badan perhubungan UMNO~~

... 3/-

3.

~~di tiap-tiap negeri, mengadakan konvensyen, sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.~~ Melalui konvensyen yang diadakan diseluruh negara, maka dapatlah UMNO menyusun strategi dan langkah-langkah perjuangannya secara menyeluruh, ^{dengan} ~~disamping~~ mengambil kira masalah-masalah setempat. Oleh sebab UMNO menjadi teras Kerajaan, pandangan Parti melalui Konvensyen yang diadakan ini, adalah penting, supaya dapat memandu Kerajaan di dalam merumuskan dasar-dasar bagi kepentingan dan kemajuan negara. Tiap-tiap ahli UMNO, serta mereka yang terlibat di dalam konvensyen, hendaklah menjadikan konvensyen yang diadakan

...4/-

4.

dari masa ke semasa ini, sebagai satu forum untuk memperkukuhkan Parti dan meneruskan perjuangannya.

3. UMNO telah mencapai usianya 34 tahun pada 11hb. Mei yang baru lalu. Dengan usia ini, Parti kita boleh dianggap sebagai telah meningkat kepada usia belia-remaja yang matang. Keremajaan dan kematangan ini, hanya dapat dibuktikan dengan orientasi dan corak pemikiran ahli-ahli Parti, serta tindak-tanduk dan amalan mereka di dalam perjuangannya. Ini adalah cabaran besar kepada kita semua, samada kita memegang jawatan pemimpin di mana-mana peringkat, atau menjadi ahli biasa,

5.

iaitu samada ahli veteran atau pun yang muda-mentah.

Walau apa pun kedudukan kita di dalam Parti,

kita hendaklah meletakkan kepentingan Parti dan

perjuangannya di atas segala-galanya. *yang lain.*

Tuan-tuan dan puan-puan, sekalian.

4. Sebagai ahli Parti, kita mestilah sentiasa

ingat, bahawa amanah yang kita pikul adalah berat

dan penting sekali. UMNO, sebagai sebuah Parti

yang mempunyai tujuan-tujuan *seperti* ~~sepertimana~~ yang

termaatub

~~disenaraikan~~ di dalam Perlembagaannya, adalah

menjadi tempat bergantung masyarakat Melayu

khasnya, dan rakyat seluruhnya. Melalui UMNO,

negara kita telah mencapai kemerdekaan.

6.

Melalui UMNO juga, Perlembagaan negara telah digubal sedemikian rupa, bagi melindungi kedaulatan negara dan semua golongan rakyat di negara ini.

Amanah dan tanggungjawab meneruskan perjuangan bagi menjaga keutuhan, kedaulatan dan kemakmuran negara, mestilah dipikul bersama oleh tiap-tiap

ahli UMNO dengan penuh keinsafan, perasaan

tanggungjawab, dan kewarasan fikiran. ~~Kesemua~~

*Ahli*²

~~anggota~~ UMNO, sebagai orang Islam, mestilah

mengikut pengertian Islam

memandang amanah ini ~~di dalam konteks keislamannya~~

tanpa apa-apa kekeliruan.

... 7/-

7.

5. Saya suka menegaskan, bahawa UMNO perlu dan mistilah menjadi Parti yang dianggotai oleh ahli-ahli yang berhati jujur dan bersih, yang mementingkan perpaduan, dan mempunyai semangat perjuangan yang gigih serta luas. Ini hendaklah menjadi pedoman dan pegangan semua ahli UMNO, samada mereka menjadi ketua, atau yang bakal menjadi ketua, mahupun ahli-ahli biasa. Tiap-tiap seorang daripada kita, adalah diamanahkan untuk memperjuangkan tujuan-tujuan Parti dengan berlandas dan berpandukan kepada cogan-kata UMNO, iaitu, "BERSATU, BERSETIA DAN BERKHIDMAT".

...8/-

8.

6. Keutuhan UMNO dan pencapaian segala matalamat perjuangannya hingga ke hari ini, adalah berdasarkan kepada semangat perpaduan yang dipelihara dan disanjung tinggi oleh tiap-tiap ahlinya. Perpaduan ini, dengan semangat serta disiplin untuk setia kepada kepimpinan yang jujur dan dedikasi dalam perjuangan, dan sikap sedia untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara, telah mendapat kepercayaan masyarakat Melayu dan bangsa pada keseluruhannya.

...9/-

9.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

7. Kejayaan UMNO hingga ke hari ini, boleh dibanggakan oleh tiap-tiap ahlinya. Kita hendaklah sentiasa berhati-hati, kerana keutuhan dan perpaduan Parti, yang sentiasa diberi keutamaan oleh kita semua, telah menimbulkan irihati di setengah-setengah pihak dan golongan. Golongan-golongan ini sentiasa berusaha untuk melumpuhkan UMNO dengan berbagai cara, dan cuba mencari peluang untuk menimbulkan kekecohan dan pergeseran diantara ahli-ahli Parti. Kita hendaklah sentiasa berwaspada, kerana ada kemungkinan juga musuh-musuh *kita,* Parti ~~ini~~ hendak memeralatkan *kita* ~~Parti~~ untuk

10.

menimbulkan perselisihan antara kita sesama sendiri. Musuh-musuh UMNO, sentiasa menunggu keretakan yang akan berlaku di dalam Parti kita, untuk bertindak bagi memusnahkan ^{nya.} ~~kita~~.

8. Sebagai sebuah Parti yang menjunjung tinggi prinsip demokrasi, UMNO sentiasa mengalu-alukan kelahiran pemimpin-pemimpin, yang bakal mewarisi kepimpinan yang ada sekarang ini. Perjuangan, ^{sumbangan kepimpinan} tanpa memikirkan ~~hubungan~~ pemimpin dari masa ke semasa, ^{akan} ~~dapat~~ melemahkan Parti. Proses kelahiran pemimpin, haruslah mengikut prinsip demokrasi dan landasan disiplin, supaya keutuhan Parti tidak terjejas. ...11/-

11.

9. Pada akhir-akhir ini, kita telah berhadapan dengan beberapa kekecohan yang berlaku di dalam pemilihan Ketua-ketua Bahagian UMNO, yang menunjukkan unsur-unsur yang tidak sihat, telah mempengaruhi sebilangan ahli-ahli UMNO. ^{Terdahulu} ~~Pergolakan~~ ~~untuk~~ membeli jawatan dan pengaruh ^{jika benar,} adalah ^{sebuatan} satu ~~tindakan~~ yang tidak berpandukan amanah ^{seperti} yang saya sebutkan ~~sebenarnya~~ tadi. UMNO memerlukan pemimpin-pemimpin yang jujur dan ikhlas, yang berjiwa rakyat, dan yang menyanjung keluhuran undang-undang dan kedaulatan negara, serta bersedia dan sanggup memperjuangkan kepentingan rakyat dan negara. Kita, sebagai ahli-ahli UMNO,

...12/-

tidak harus membiarkan mereka yang tidak mempunyai
sifat-sifat ini, untuk memegang jawatan dan mempengaruhi
Parti. Sekiranya ini berlaku, UMNO akan ~~menjadi~~ ^{hancur,}
~~lemah,~~ dan yang salah, ialah ahli-ahli UMNO sendiri,
kerana ~~telah~~ membenarkan diri mereka diperguna
dan diperalatkan oleh pihak-pihak ~~tertentu.~~ ^{itu.}

10. Tanggungjawab untuk menghalang berlakunya
~~perbuatan~~ ^{perbuatan}
~~pergolakan~~ yang tidak sihat di dalam UMNO, adalah
terletak di tangan tiap-tiap ahli UMNO. Bagi bakal-bakal
pemimpin, yang ingin merebut jawatan-jawatan
penting di dalam Parti, mereka hendaklah mengukur
diri sendiri dengan sifat-sifat yang telah saya sebutkan ^{tadi.}
~~tadi.~~

13.

Ahli-ahli UMNO pula, hendaklah menilai sifat-sifat yang kita perlukan itu, sebelum memberi undi kepada sesaorang bakal pemimpin. Janganlah hendaknya kita jadikan Parti UMNO sebagai sebuah Parti yang boleh dijual-beli, yang boleh diperalatkan oleh golongan-golongan ~~tertentu~~ ^{itu,} untuk kepentingan-
kepentingan ^{nya} yang sempit, ~~yang lari dari asas~~
~~perjuangannya yang asal.~~

11. Ahli-ahli UMNO hendaklah yakin, bahawa rakyat akan terus memberi sokongan kepada UMNO, sekiranya UMNO dapat mempertahankan keutuhan dan perjuangannya, dan selagi pemimpin-pemimpinnya

14.

di semua peringkat, dapat membuktikan kejujuran dan semangat perjuangan Parti. Kita tidak harus membiarkan ~~sifat~~ ^{kan} sesaorang pemimpin atau ahli, mencemar nama baik Parti. Ingatlah kepada pepatah: "Sebab nila setitik, rosak susu sebelanga". Oleh itu, jaga dan peliharalah kehormatan dan imej UMNO.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

12. Negeri Pahang merupakan sebuah negeri yang mempunyai sumber-sumber kekayaan, yang dapat dimajukan untuk membawa kemakmuran kepada rakyat negeri ini, dan negara amnya. Projek-projek

...15/-

15.

pembukaan tanah dan penempatan penduduk, telah dijalankan dengan pesatnya. Kerjasama diantara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri yang erat, telah membolehkan berbagai program dan projek pembangunan dilaksanakan. Usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kemajuan perindustriannya, serta lain-lain lapangan, telah menunjukkan hasil yang memuaskan. Dalam hal ini, Kerajaan Pusat akan terus memberi sokongan dan kerjasama^{nya,} bagi membolehkan program dan projek pembangunan di Negeri Pahang, dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan.

...16/-

13. Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memaju dan membangunkan negara bagi faedah rakyat, terutama sekali mereka yang daif dan golongan yang berpendapatan rendah. Dalam menunaikan dan melaksanakan tanggungjawabnya, Kerajaan sentiasa menghadapi berbagai cabaran, akibat keadaan politik dan ekonomi antarabangsa. Disamping itu, kita juga masih menghadapi masalah keselamatan. ~~di dalam negara~~. Tiap-tiap ahli UMNO khasnya, dan rakyat amnya, hendaklah insaf tentang keupayaan Kerajaan untuk membawa kemakmuran dan kesetabilan kepada negara. Hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar yang mendatangkan faedah

17.

kepada rakyat dan negara, akan menjadi kenyataan dengan mudah sekali, sekiranya semua pihak dapat memainkan peranan mereka secara membina.

UMNO, sebagai Parti yang mendukung Kerajaan, hendaklah memupuk dan menjaga keutuhan Parti, supaya ia menjadi benteng dan teras yang kukuh.

Sebagai Presiden UMNO, saya menyeru semua ahli UMNO supaya jangan ghairah dan melupakan perjuangan Parti. Mereka hendaklah bersatupadu serta bersama-sama memperjuangkan nasib masa depan rakyat, khususnya orang-orang Melayu dan golongan yang kurang bernasib baik.

...18/-

14. Proses pembangunan di Negeri Pahang, sebagaimana juga diseluruh Malaysia, memerlukan kesetabilan politik, kegigihan dan kejujuran pemimpin-pemimpin di semua peringkat. Ia juga memerlukan kemampuan rakyat, untuk berusaha dan menggunakan kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang yang diadakan oleh Kerajaan. Saya harap, di dalam ~~ber~~konvensyen ini, para peserta akan dapat memikirkan dengan sedalam-dalamnya, *ahli² bagi memperkukuhkan Parti, serta peranan* ~~dan sifat-sifat kepemimpinan yang dapat memperjuangkan matlamat~~ *memperkuatkan perjuangan* UMNO, bagi masa-masa akan datang, disamping memikirkan peranan rakyat

19.


dalam pembangunan. Saya yakin, ahli-ahli UMNO pada keseluruhannya, dapat membuktikan kematangan UMNO, sebagai Parti yang boleh memegang teraju Kerajaan pada bila-bila zaman, dan mampu menghadapi semua cabaran.

15. Akhirnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah, kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan mereka dalam menjayakan Konvensyen ini. Saya percaya, Konvensyen ini akan melahirkan buah fikiran serta cadangan yang bernas dan membina, bagi membantu Kerajaan di dalam usaha-usahanya membangun serta menjamin keutuhan dan kemakmuran negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya, meresmikan konvensyen ini.

Terimakasih.





No Siri	485
No Penerimaan	98/81